

# SIARAN MEDIA

11 April 2014

## UNTUK SIARAN SEGARA

### CYBERSECURITY MALAYSIA BERI PENSIJILAN MS ISO/IEC 27001:2007 SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN MAKLUMAT KEPADA JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH MALAYSIA

**PUTRAJAYA (21 APRIL 2014)** – CyberSecurity Malaysia iaitu pusat pakar teknikal keselamatan siber Negara dan agensi di bawah kawal selia Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) telah menyampaikan sijil Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat atau *Information Security Management System (ISMS)* kepada Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia.

Sijil tersebut telah disampaikan oleh Dr. Amirudin Abdul Wahab, Ketua Pegawai Eksekutif, CyberSecurity Malaysia kepada Yang Amat Arif Tan Sri Dr. Ibrahim bin Hj. Lembut, Ketua Pengarah / Ketua Hakim Syarie Malaysia pada satu majlis ringkas di Putrajaya.

Sijil ISMS yang dikenali sebagai ISO/IEC 27001:2007 merupakan satu standard atau piawaian bertaraf antarabangsa yang merangkumi pelbagai aspek penting dalam mengendalikan keselamatan siber di sesbuah organisasi. Dalam konteks ini, CyberSecurity Malaysia adalah agensi yang menyediakan proses pengauditan tersebut melalui perkhidmatan yang dikenali sebagai Perkhidmatan ISMS CSM27001.

Menurut Dr. Amirudin, serangan siber boleh berlaku pada bila-bila masa tanpa sebarang amaran. Maka, organisasi perlu bertindak secara proaktif dengan menerima pakai garis panduan yang telah dibangunkan oleh pakar-pakar di peringkat antarabangsa bagi mengurangkan risiko serangan siber ini.



**CyberSecurity Malaysia**  
(726630-U)



T +603 8992 6888  
F +603 8992 6841  
H 1 300 88 2999

Corporate Office:  
Level 5, Sapura@Mines  
No 7, Jalan Tasik  
The Mines Resort City  
43300 Seri Kembangan  
Selangor Darul Ehsan  
Malaysia.  
[www.cybersecurity.my](http://www.cybersecurity.my)



Securing Our Cyberspace

Ujar beliau, Kerajaan Malaysia telah mengiktiraf Pensijilan ISMS dalam membantu organisasi di Malaysia untuk tampil setanding dengan organisasi di Negara maju yang lain dari aspek keselamatan siber. Justeru, pada 24 Februari 2010, Kerajaan telah berkenan untuk pelaksanaan Pensijilan ISMS kepada Insfrauktur Maklumat Kritikal Negara atau *Critical National Information Infrastructure (CNII)* di Malaysia.

“Kami bangga kerana Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia telah berjaya memperolehi Pensijilan ISMS dan menjadi sebahagian dari organisasi CNII yang lain bagi pematuhan Pensijilan ISMS ini”. Kata Dr. Amirudin.

< skop pematuhan secara ringkas>

### **About CyberSecurity Malaysia**

CyberSecurity Malaysia is the national cyber security specialist agency under the purview of the Ministry of Science, Technology and Innovation (MOSTI).

The Malaysian Government gazetted the role of CyberSecurity Malaysia by Order of the Ministers of Federal Government on 22 June 2009 (revised and gazetted on 26 June 2013) by identifying CyberSecurity Malaysia as an agency that provides specialised cybersecurity services and continuously identifies possible areas that may be detrimental to national security and public safety.

CyberSecurity Malaysia is also required to support as well as provide technical assistance and training services for national cyber crisis management, as stated in Paragraph 16.1, Order No. 24 of the *Dasar dan Mekanisme Pengurusan Krisis Siber Negara* (Policy and Mechanism for National Cyber Crisis Management) by the National Security Council.

Website: [www.cybersecurity.my](http://www.cybersecurity.my)

~ End ~

---

*For further enquiries about this document, please feel free to call +603-89926888,  
Mohd Shamil Mohd Yusoff (ext: 6978)  
Sandra Isnaji (ext: 6977) or email [media@cybersecurity.my](mailto:media@cybersecurity.my)*